

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN
MINI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
ZON TENGAH
BAGI ORGANISASI LUAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
4-5 OKTOBER 2017**

1. PENYERTAAN

- 1.1 Setiap kumpulan baru yang ditubuhkan **MESTI** mendapat kelulusan **KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)** di mana kumpulan tersebut ditubuhkan.
- 1.2 Nama kumpulan yang dipilih mestilah unik dan tidak sama dengan nama KIK sedia ada. Nama kumpulan KIK sedia ada boleh digunakan sekiranya kumpulan tersebut tidak aktif selama 5 tahun.

2. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 2.1 Setiap projek yang dihasilkan tidak melanggar akta dan undang-undang UiTM dan negara.
- 2.2 Bilangan ahli dalam setiap kumpulan adalah sekurang-kurangnya lima (5) orang dan maksima sepuluh (10) termasuk ketua kumpulan. Sekiranya bilangan ahli kurang daripada lima (5), ketua kumpulan berhak untuk mencari ahli baru ATAU membubarkan kumpulan dengan persetujuan semua ahli. Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota jabatan terbabit.
- 2.3 Hanya ketua kumpulan yang berhak untuk mendaftarkan projek KIK.
- 2.4 Setiap kumpulan hanya boleh mempertandingkan SATU projek sahaja dalam mana-mana konvensyen peringkat Zon atau UiTM.
- 2.5 Semua projek yang dihasilkan oleh setiap kumpulan yang menyertai Mini Konvensyen KIK UiTM mestilah ASLI dan tidak pernah dipertandingkan.
- 2.6 Setiap pencalonan hendaklah mengemukakan tiga (3) salinan Laporan Projek dan satu (1) salinan *softcopy Power Point Presentation* dalam CD kepada Penyelaras KIK Fakulti Filem, Teater & Animasi selewat-lewatnya pada 22 September 2017 jam 4 petang.

3. YURAN PENYERTAAN

- 3.1 Yuran penyertaan adalah sebanyak RM1000.00 bagi setiap kumpulan. Pembayaran boleh dibuat kepada KETUA UNIT KEWANGAN ZON 24 melalui pindahan wang ke BANK ISLAM: **12038010097525**

4. HADIAH

No.	Hadiah & Anugerah	Hadiah
1.	Johan	RM900 & Piala
2.	Naib Johan	RM600 & Piala
3.	Ketiga	RM300 & Piala
4.	Anugerah Inovasi ICT	RM100 & Piala
5.	Anugerah Inovasi Proses	RM100 & Piala
6.	Anugerah Inovasi Teknikal	RM100 & Piala
7.	Anugerah Inovasi Kaedah Pengajaran & Pembelajaran	RM100 & Piala
8.	Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik	Piala
9.	Anugerah Penjanaan Kos Sebenar Terbaik	Piala
10.	Anugerah KIK Berpotensi	Piala
11.	Anugerah Fasilitator Terbaik	Piala
12.	Anugerah Dokumentasi Terbaik	Piala
13.	Anugerah Persembahan Terbaik	Piala

5. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- 5.1 Pihak pengajur berhak menerima dan menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK berdasarkan syarat yang telah ditetapkan dan juga di atas kuasa pertimbangan (sekiranya perlu).
- 5.2 Dokumen yang LEWAT diterima ATAU tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan TIDAK LAYAK untuk dipertimbangkan sebagai dokumen terbaik.
- 5.3 Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai konvensyen oleh pihak pengajur adalah muktamad.

6. PENGHANTARAN BORANG PENYERTAAN

Semua borang penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak penganjur Mini Konvensyen pada atau sebelum 22 September 2017 jam 4 petang menerusi email **kikzontengah@gmail.com** ATAU hantar di alamat berikut:

Penganjur
Mini Konvensyen KIK Zon Tengah 2017
Fakulti Filem, Teater & Animasi
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor
Kampus Puncak Perdana
40450 Shah Alam
SELANGOR

7. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup penyertaan dan penyerahan borang penyertaan adalah pada **22 September 2017 jam 4 petang.**